Bahasa Melayu Brunei

Bahasa Melayu Brunei ialah bahasa komunikasi utama penduduk di Negara Brunei Darussalam, Wilayah Persekutuan Labuan, Daerah Limbang, Miri dan Lawas di Sarawak dan Daerah Sipitang, Papar, Bongawan, Kimanis, dan beberapa daerah lain di Sabah. Bahasa ini mempunyai beberapa perbezaan berbanding Bahasa Melayu baku. Penggunaan Bahasa Brunei berbeza-beza dari segi sebutan dan cara bertutur mengikut setiap daerah.

Sebagai contoh, Bahasa Melayu Brunei di daerah Bongawan, Sabah menyerupai penggunaan Bahasa Melayu di Tanah Semenanjung Malaysia dimana kebanyakan perkataan berakhir dengan huruf 'a' bertukar kepada huruf 'e' (Tekilala=kenal menjadi Tekilale=kenal).


Untuk makluman, Bahasa Melayu Brunei ada sedikit persamaan dengan Bahasa Kedayan sama seperti Bahasa Melayu Kelantan dan Terengganu.

Bahasa Melayu Brunei
بهاس ملايو بروني

Asli di	Brunei, Malaysia Timur
Wilayah	Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah, Sarawak (Malaysia), Brunei
Etnik	Melayu Brunei, Kedayan
Penutur asli	400 000 (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Austronesian ▪ Melayo-Polinesia ▪ Melayo-Polinesia Inti ▪ Sunda-Sulawesi ▪ Malayik ▪ Malaya ▪ Melayu Tempatan ▪ **Bahasa Melayu Brunei** بهاس ملايو بروني

Kod bahasa

ISO 639-3	kxd



Kawasan di mana Bahasa Melayu Brunei dituturkan

Isi kandungan

Sebutan vokal

Bahasa Melayu Brunei mempunyai pertukaran bunyi vokal daripada Bahasa Melayu Baku. Antaranya ialah bunyi /ə/ akan ditukar menjadi bunyi /a/. Sila lihat contoh perkataan di bawah:

- Besar=*basar*
- Keras=*karas*
- Beras=*baras*

Vokal 'o' ditukar menjadi 'u' seperti perkataan di bawah:

- Boleh=*bulih*

- Tolong=*tulung*
- Kotak=*kutak*

Apabila sesuatu perkataan diakhiri dengan huruf vokal, maka huruf vokal itu hendaklah disebut seperti di bawah:

- Kita hendaklah disebut kita'
- Lawa hendaklah disebut lawa'
- Buku hendaklah disebut buku'
- Kari hendaklah disebut kari'

Sebutan di atas ini mempunyai persamaan dengan Dialek Sarawak.

Bunyi /r/ pada perkataan (contohnya "pagar") adalah jelas (kecuali dialek Kampung Air dan dialek Kadayan).

Kata ganti diri

Berikut ialah kata ganti diri yang digunakan dalam perbualan seharian:

- Aku — Kata ganti diri 'aku' adalah sesuai digunakan untuk berbicara dengan individu yang lebih tua seperti ibu bapa kerana perkataan aku tidak dikategorikan sebagai bahasa yang kasar dalam dialek Brunei.
- Kadiaku : saya
- Kita — Bersamaan dengan maksud "awak" dalam bahasa Melayu baku. Ia ialah bahasa yang sopan dan digunakan untuk orang yang lebih tua.
- Biskita -- Kalian / awak semua
- Katani -- Kita semua / kita semua
- Kau (disebut 'kawu') — Digunakan apabila berbicara dengan orang yang lebih muda atau sebaya.
- Bisdia = Mereka
- Ia = Dia

Perkataan asas

Perkataan-perkataan berikut ialah perkataan yang sering digunakan dalam komunikasi seharian:

- Tidak/tak — *inda*
- Ya — *awu*
- Kalau — *mun*
- Nanti — *karang*
- Sangat — *luan*
- Ini — *ani*
- Itu — *atu*
- Sekejap — *sakajap*
- Lama — *batah*
- Inilah — *anitah*
- Itulah — *atutah*

- Lah — *tah*
- Air — *aing*
- Besar — *basar*
- Kecil — *damit*
- Kerja — *karaja*
- Datuk — *nini laki*
- Nenek — *nini bini*
- Ayah — *babah/bapa/papa*
- Ibu - *emak/babu/mama*
- Moyang — *datu*
- Lelaki — *laki-laki*
- Perempuan — *bini-bini*

Panggilan binatang lain

- Gonggok- "kalangtugi"
- Anjing- "kuyuk"
- Monyet- "ambuk"
- Ulat- "giuk"
- Cicak- "cacak"

Penutur Bahasa Melayu Brunei juga mengekalkan elemen bahasa Melayu Lama dan elemen klasik dalam kebanyakan perkataan:

- Betul — *banar* (benar)
- Tipu — *dusta/kelakar/eksen*
- Dahaga — *karing lihir* (kering leher)
- Mengantuk — *kalat mata* (kelat mata)
- Rosak — *binasa*
- Susah — *payah*
- Juga — *jua*
- Tua — *tuha*
- Bilik mandi — *kamar mandi*
- Sedap — *nyaman*
- Panas — *angat*
- Ketawa — *tatawa* (tertawa)
- Dia - *Ia*
- Tak payah — *inda usah* (tak usah)
- Teringat - *takanang* (terkenang)
- Jatuh — *gugur*
- Koyak — *carik*
- Pokok — *puhun* (pohon)
- Cuci — *basuh*
- Dekat — *hampir*
- Ke sini — *ke mari*
- Kalah — *alah*

Antara perkataan lain yang diguna pakai oleh masyarakat brunei

1- Bubut = kejar

2- Lusir = lari

3- Nyaman = sedap

4- Bisai = cantik,indah

5- Linggang = lembik

6- Berantam/Bekehai = bergaduh

7- menyeluru = mengejek

8- Buyuk = tipu (main buyuk/main tipu)

9- Kudut =pinggan

10- Auw = iya

11- Ben = van

12- Iskul = sekolah

13- Samak = semak

14- Licak = lembut/lembik

15- Piasau = kelapa

16- Palui = bodoh

17- Moleh/Mulih = balik

18- Berinut = minta diri

19- Limpas = lintas

20- Kampis = nipis (tayar kampis/tayar nipis/bocor)

21- Sigup = rokok

22- Bangas = basi

23- Lakat = masih

24- Ingar = bising

25- Pelakian = Teman Lelaki/Suami

26- Pebinian = Teman wanita/Isteri

27- Basing = tupai

28- Baie/bayi = babi

29- Kuyuk = anjing

30- Tekilala = kenal

31- Sikui/Cikui = tembikai

32- Kepayas = betik

33- Ambuk = monyet

34- Dian = lilin

35- Bekarap = bekelip

36- Dandam = rindu

37- Semberana = cuai

38- Lagau = panggil

39- Bepanggil/Menitir = kenduri

40- Memapak = menguyah

41- Behibun/beibun = begurau

42- Menyasah = cuci kain

43- Pelacahan = parit

44- Bubut = kejar

45- Kama/kamah = kotor

46- Tuntul = siput sedut

47- Carik = koyak

48- Merakit = mendekatkan

49- Kepala Tuhut = lutut

50- Buntak = pendek

51- Bubus = Bocor

52- Usin = wang

53- Unjar = cari

54- Beria = Berak

55- Bekamih/bekameh = Kencing

56- Anak damit = bayi

Lihat juga

- Dialek Sarawak
- Bahasa Melayu Sabah